

01/06/2003

ICFM sepakat tolak kempen pembbohongan terhadap Islam

Wan Hazmir Bakar

TEHRAN: Persidangan Menteri Luar OIC (ICFM) ke-30 yang berakhir lewat malam kelmarin sepakat menolak kempen pembbohongan serta ancaman terhadap negara Islam dan berikrar memberi sokongan kepada negara anggota yang menghadapi tekanan, ancaman dan campur tangan luar, sejajar dengan tema mengembalikan perpaduan dan maruah ummah.

Menerusi Deklarasi Tehran yang menggariskan 21 daripada 176 ketetapan yang dipersetujui pada persidangan tiga hari itu, menteri luar 57 negara Islam itu turut menolak penggunaan kekerasan dan tindakan unilateral yang

mengancam kedaulatan negara serta membelakangkan undang-undang antarabangsa dan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Sambil mengutuk dasar ganas dan pendudukan berterusan Israel di Palestin

serta wilayah Arab, mereka menggesa Amerika Syarikat, Russia, Kesatuan Eropah dan PBB, menerusi pelan damai, merealisasikan hak rakyat Palestin bagi penyelesaian adil dan berpanjangan di Asia Barat.

Mereka juga menuntut penghapusan menyeluruh semua senjata pemusnah dan menggesa semua negara, terutama negara kuasa nuklear, menekan Israel menerima perjanjian perlucutan senjata dan meletakkan semua kemudahan nuklearnya di bawah pengawasan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA).

Persidangan tanpa penyertaan Iraq kerana ketiadaan pemerintah yang sah itu juga menyatakan sokongan kepada rakyat negara itu mewujudkan kerajaan

bebas dan demokratik serta mengembalikan kedaulatannya dengan bantuan serta sokongan PBB, juga menggesa masyarakat antarabangsa memberi bantuan

segera kepada Iraq.

Ketetapan yang dipersetujui menteri luar OIC itu dilihat sebagai tindak

balas terhadap tindakan Amerika mengancam negara Islam lain, terutama Iran

dan Syria, selepas menakluk Iraq atas alasan ia memiliki senjata pemusnah

dan mengancam keselamatan dunia.

Washington kini menuduh Tehran melindungi anggota al-Qaeda dan sedang membangunkan keupayaan senjata nuklear dan membayangkan keinginan untuk menukar rejim pemerintahan republik Islam itu.

Berikutan serangan bom di Riyadh dan Casablanca baru-baru ini, menteri luar OIC sekali lagi mengulangi tekad bagi memerangi keganasan dengan menangani punca berlakunya keganasan.

Mengulangi pendirian Malaysia seperti yang dinyatakan Dr Mahathir sejak

peristiwa 11 September, Deklarasi Tehran itu mengutuk tindakan menyamakan

Islam dengan keganasan dan menggesa diadakan persidangan antarabangsa bagi

mentakrifkan keganasan serta membezakannya daripada perjuangan bagi pembebasan daripada pendudukan kuasa asing.

Deklarasi Tehran juga menyatakan keadaan dunia kini memerlukan penganjuran dialog peradaban bagi meningkatkan persefahaman dan toleransi antara peradaban dunia.

Persidangan itu juga memilih Istanbul, Turki, sebagai tuan rumah ICFM Ke-31 tahun depan.

Sementara itu, Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Ahmad Fuzi Abdul Razak, menyifatkan keupayaan semua negara anggota mempersetujui ketetapan berhubung pelbagai isu politik, sosial dan ekonomi umat Islam, sebagai kejayaan yang memberangsangkan.

Bercakap kepada wartawan Malaysia selepas penutupan persidangan kali ini, beliau berkata, negara anggota kini mengharapkan Sidang Kemuncak di Putrajaya pada Oktober depan dapat menterjemahkan kesepakatan yang dicapai kali ini dalam bentuk tindakan yang berkesan.

"Ini adalah tanggungjawab berat yang harus dipikul Malaysia," katanya.

Mengenai penyusunan semula organisasi OIC, beliau berkata Acenture Malaysia Sdn Bhd dilantik sebagai syarikat perunding, mengalahkan dua saingan dari Pakistan dan Mesir.

Beliau yakin laporan penyusunan semula itu dapat dibentangkan untuk persetujuan pemimpin negara pada Sidang Kemuncak OIC di Putrajaya.

Ditanya apakah kajian penyusunan semula itu turut mencadangkan pengwujudan jawatan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Ahmad Fuzi berkata ia terpulang kepada negara anggota.

Sidang pengarang Saudi Gazette baru-baru ini mencadangkan Dr Mahathir dilantik sebagai CEO bagi menerajui OIC selepas beliau bersara Oktober depan.

Banyak negara anggota mahukan Perdana Menteri terus menyumbang kepakaran dan kepemimpinan beliau bagi menjadikan OIC satu pertubuhan yang berkesan.

Mengenai konflik di selatan Filipina, Ahmad Fuzi berkata, persidangan menolak permohonan Manila untuk mendapatkan status pemerhati tetap OIC.

Katanya, mesyuarat jawatankuasa lapan negara yang turut dianggotai Malaysia menyokong bantahan Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) yang kini adalah pemerhati tetap, terhadap usaha Filipina itu.